

09 JUL 2004

Pemuda-Kedah (Pencalonan)

PEMUDA KUBANG PASU CALONKAN MUKHRIZ NAIB KETUA PEMUDA UMNO

ALOR STAR, 9 Julai (Bernama) -- Pemuda Umno Bahagian Kubang Pasu hari ini mencalonkan Datuk Mukhriz Tun Dr Mahathir sebagai naib ketua Pemuda Umno dan Datuk Hishammuddin Tun Hussein sebagai ketua pergerakan itu.

Pencalonan Mukhriz untuk jawatan itu merupakan yang pertama diperolehinya.

Mukhriz, 40, sebelum ini tidak pernah menawarkan diri bertanding jawatan tersebut.

Ketika diminta mengulas mengenai pencalonannya, beliau berkata: "Saya terkejut dengan keputusan itu sebab tidak menjangka dicalonkan sebagai naib ketua."

Katanya beliau hanya menumpukan kepada pertandingan merebut jawatan ketua pemuda Umno bahagian itu dan anggota Exco Pemuda Umno.

"Bagaimanapun saya mengucapkan terima kasih kepada Pemuda Kubang Pasu kerana mencalonkan saya. Saya masih baru dalam politik dan harap bahagian-bahagian lain beri pencalonan (naib ketua) kepada calon yang telah mengumumkan hasrat nak bertanding jawatan itu," kata beliau.

Mukhriz, anak ketiga bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad yang juga bekas ketua Umno Kubang Pasu, bertanding jawatan ketua Pemuda bahagian itu. Sehingga ini, pengiraan undi untuk pemilihan bahagian itu masih berlangsung.

Sementara itu Pemuda Umno Bahagian Langkawi yang turut mengadakan mesyuarat perwakilannya petang ini mencalonkan Hishammuddin untuk jawatan ketua pergerakan itu dan Khairy Jamaluddin untuk naib ketua.

-- BERNAMA

MZM ZS ROS